

## Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Bagi Murid Pendidikan Khas: Analisis Tinjauan Literatur

(School Guidance And Counseling Services For Special Education Students: Literature Review Analysis)

Abu Yazid Abu Bakar & Siti Nurliyana Ahmad

### ABSTRAK

*Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mewujudkan kelas-kelas pendidikan khas di sekolah-sekolah yang memerlukan. Asas keperluan ini adalah kewujudan populasi mencukupi, dalam kumpulan murid bermasalah pembelajaran seperti dikategorikan secara terperinci dalam akta tersebut. Peruntukan ini telah mendorong kepada penubuhan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Penubuhan kelas-kelas PPKI ini telah memotivasi golongan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka yang menghadapi masalah pembelajaran yang pelbagai ke sekolah-sekolah dalam sistem pendidikan arus perdana, dan bilangan murid-murid pendidikan khas ini semakin meningkat dewasa ini. Keunikan personaliti dan keperluan-keperluan pembelajaran khusus setiap murid ini menuntut satu bentuk sistem sokongan pendidikan yang bersepadu disediakan di sekolah. Natijahnya, khidmat bimbingan dan kaunseling yang tersedia dalam sistem pendidikan kebangsaan yang bersifat “one-size-fits-all” tidak mampu menyokong keperluan pembelajaran murid-murid pendidikan khas buat masa ini. Di samping itu, guru-guru PPKI pula tidak dilatih dengan ilmu bimbingan dan kaunseling yang sistematik sehingga mereka juga tidak berupaya membantu murid-murid ini dengan berkesan di sekolah. Kertas kerja ini mengupas himpuanan literatur antarabangsa dan tempatan sebagai inisiatif untuk mendapat gambaran awal bagi merangka strategi memperkasa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah untuk murid-murid pendidikan khas ini. Rangkuman analisis literatur ini mampu dijadikan rujukan awal untuk merangka program bimbingan dan kaunseling sekolah khusus untuk populasi pelajar pendidikan khas tempatan.*

*Kata Kunci:* Analisis literatur; bimbingan dan kaunseling; pendidikan khas; Malaysia

### ABSTRACT

*The Education Act 1996 provides the authority for the Minister to create special education classes in schools in need. The basis of this requirement is the existence of a sufficient population, in the group of students with learning disabilities as categorized in detail in the act. This allocation has led to the establishment of the Special Integration Education Program (PPKI) in government-aided schools. The establishment of these PPKI classes has motivated parents to send their children who face various learning problems to schools in the mainstream education system, and the number of special education students is increasing today. The unique personality and specific learning needs of each student demand a form of integrated educational support system provided in the school. As a result, the guidance and counseling services available in the national education system which are “one-size-fits-all” are not able to support the learning needs of special education students for now. In addition, PPKI teachers are not trained in systematic guidance and counseling to the extent that they are unable to help these students effectively at school. This paper examines the collection of international and local literature as an initiative to get a preliminary picture to formulate a strategy to strengthen school guidance and counseling services for these special education students. This summary of literature analysis can be used as an initial reference to design a specific school guidance and counseling program for the local special education student population.*

*Keywords:* Literature analysis; guidance and counseling; special education; Malaysia

## PENGENALAN

Murid-murid pendidikan khas merupakan populasi murid yang tergolong dalam kategori ketidakupayaan seperti kecacatan fizikal yang teruk, rencatan teruk dan sederhana, pelbagai keupayaan dan lain-lain. Seperti yang telah ditakrifkan dalam Akta Pendidikan (1996) secara spesifik murid Pendidikan khas merupakan kategori murid dengan masalah-masalah pembelajaran (learning disabilities) seperti penglihatan, pendengaran, pertuturan, Down Syndrome, Mild Autism, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Minimal Mental Retardation, dan Dyslexia. Murid pendidikan khas merupakan golongan yang memerlukan kemudahan dan perkhidmatan sokongan lain bagi memastikan mereka berjaya dalam program pendidikan mereka (Dianova et al., 2022; Milson, 2002). Tidak seperti mana murid aliran perdana yang lain, murid pendidikan khas memerlukan perhatian dan keperluan yang berbeza dengan murid lain. Oleh itu, penekanan terhadap keperluan golongan ini harus diberikan agar sokongan dan kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan para murid pendidikan khas bagi mencapai tahap terbaik dalam pendidikan mereka. Murid berkeperluan khas dan murid yang berbakat dalam akademik boleh mendapat manfaat daripada proses kaunseling individu (Erford & Erford, 2007) walaupun murid pendidikan khas berlainan daripada murid am yang lain, mereka juga boleh mendapat manfaat daripada proses perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diberikan.

Semua murid mesti diberikan sokongan yang sepatutnya dalam hal pembelajaran, kerjaya, peribadi dan pembangunan sosial bagi membantu mereka mencapai matlamat dalam pendidikan (Campbell & Dahir, 1997). Oleh itu, murid pendidikan khas juga tidak terkecuali dalam mendapatkan perkhidmatan yang terbaik bagi mereka mengikut keperluan khusus mereka. Namun adakah keperluan khusus mereka dipenuhi dan perkhidmatan sokongan yang diberikan di sekolah memenuhi keperluan mereka secara menyeluruh? Pembangunan akademik dan psikososial yang baik dan seimbang amat penting kepada murid dalam memastikan pembelajaran yang berkualiti dan berkesan kepada murid.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah perkhidmatan yang disediakan buat semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa, kaum dan agama untuk semua peringkat umur. Dalam konteks sekolah, perkhidmatan bimbingan dan kanseling disediakan buat semua murid termasuk murid berkeperluan khas. Meskipun perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bukan lagi perkara baru dalam pendidikan khas namun, kebanyakkan pendekatan yang diambil bagi membantu golongan ini berfokuskan kepada kemahiran dan kerjaya dimana

mensasarkan kebolehpasaran serta keberlangsungan hidup golongan berkeperluan khas dalam mencari pekerjaan sekaligus menyesuaikan diri dalam masyarakat. Antara teras dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah untuk memberi dorongan perubahan tingkah laku, membantu klien dalam membuat keputusan, membentuk kemahiran daya tindak kendiri, merasionalkan pemikiran klien, serta membantu klien memperbaiki hubungan mereka dengan orang lain (Muhd Mansur & Siti Nordinar, 2010). Oleh itu, amat penting perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan bukan sahaja berfokuskan kemahiran dan kerjaya sahaja tetapi turut memenuhi keperluan khusus mereka agar bantuan yang diterima adalah merangkumi kesemua aspek sepertimana golongan normal yang lain.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan medium sokongan kepada murid dalam bentuk kesihatan sosial, emosi, dan tingkah laku, serta keupayaan untuk menghadapi cabaran. Kaunselor sekolah harus bekerjasama dengan murid berkeperluan khas dan memasukkan mereka dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah (Trenhaile, 2007). Model komprehensif yang merupakan asas kepada perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia mencadangkan bahawa perkhidmatan ini adalah untuk semua murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993). Kaunselor haruslah menerima semua murid tanpa syarat dan tidak dibenarkan mendiskriminasi atau membenarkan diskriminasi berlaku kepada murid disebabkan bangsa, jantina, agama, status ideologi, dan ketidakupayaan fizikal atau mental (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Seperti mana murid yang lain, murid pendidikan khas juga memerlukan perkhidmatan bimbingan kaunseling dalam memastikan perkembangan psikososial yang seimbang dan menyeluruh. Walau bagaimanapun, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah hanya memfokuskan kepada murid secara umum dan tiada penekanan khas kepada keperluan murid-murid pendidikan khas khususnya (Abu Yazid & Noriah, 2019, 2016). Oleh itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan harus memenuhi keperluan bukan sahaja bagi murid biasa namun bagi murid pendidikan khas.

Sebagaimana golongan murid pintar dan berbakat yang merupakan populasi murid dengan keperluan khusus, murid pendidikan khas juga memerlukan bentuk sokongan yang khusus bagi membantu mereka dalam persekitaran pembelajaran di sekolah agar dapat melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih baik. Justeru, pihak bimbingan dan kaunseling di sekolah perlu mengambil kira keperluan-keperluan khusus kepelbagaiaan pembelajaran bagi populasi murid pendidikan khas ini.

Realitinya adakah perkhidmatan kaunseling sedia ada di Malaysia memenuhi berkeperluan khas golongan murid pendidikan khas yang unik dan berbeza? Apakah

pendekatan terbaik perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam mengendalikan keperluan khusus murid pendidikan khas? Justeru, analisis literatur ini dilakukan secara sistematis bagi memberikan gambaran serta perbandingan awal yang boleh dijadikan rujukan untuk pembentukan kerangka perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah yang bersesuaian bagi populasi pelajar pendidikan khas tempatan.

## KAJIAN-KAJIAN LUAR NEGARA

Menurut Majlis Perwakilan American School Counseling Association (ASCA) pada tahun 2003, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah untuk semua murid termasuk mereka yang mempunyai berkeperluan khas. Adalah menjadi tanggungjawab kaunselor untuk membantu murid berkeperluan khas tanpa mengira pelbagai cabaran yang mereka tempuh dengan menggunakan ilmu dan kemahiran mereka dalam membantu semua murid terutama murid berkeperluan khas (ASCA, 2010; Serres & Nelson, 2011).

Kajian daripada Frostad dan Pijl (2007) mendapati bahawa murid berkeperluan khas mengalami masalah dalam komunikasi dan memahami rakan sebaya mereka terutama mereka yang mengalami masalah autism, masalah tingkah laku dan kecatatan intelek. Hal ini berlaku kerana murid berkeperluan khas didapati mempunyai kemahiran sosial yang rendah berbanding rakan mereka yang lain (Greenspan & Granfield, 1992; Garrison-Harrell & Kamps, 1997; Pfiffner & McBurnett, 1997; Scheepstra et al., 1999; Soresi & Nota, 2000; Monchy et al., 2004; Frostad & Pijl, 2007). Dengan adanya latihan dan bimbingan kemahiran sosial daripada kaunselor dapat membantu murid berkeperluan khas terhindar daripada pengasingan yang lebih teruk daripada rakan mereka dan latihan daripada peringkat awal haruslah dilakukan agar memastikan mereka memiliki kemahiran yang sepatutnya (Frostad & Pijl, 2007). Maka, kaunselor sekolah memainkan peranan penting dalam membantu murid berkeperluan khas untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran persekolahan dalam kalangan rakan sebaya mereka.

Menurut Bridgeland (2011), kaunselor sekolah mempunyai pengalaman yang unik dimana mereka melihat kehidupan murid itu secara menyeluruh ketika di sekolah, berunding dengan keluarga dan murid tentang pelajaran, emosi dan sosial. Hal ini turut disokong oleh Gewertz (2011) di mana kaunselor memiliki kelebihan dalam perhubungan dengan pelajar kerana tempoh yang agak lama dengan murid di sekolah dan menjadi kerugian sekiranya hubungan ini tidak dimanfaatkan sebaiknya dalam membantu mereka. Dapat dilihat bahawa hubungan yang baik antara kaunselor dan murid juga memainkan

peranan penting dalam proses membantu murid berkeperluan khas kerana kaunselor sekolah adalah individu terdekat yang memahami dan menyaksikan jatuhan bangun murid secara langsung ketika berada di sekolah dalam tempoh yang lama.

Pada tahun 2004, ASCA menyatakan perlu adanya model nasional bagi menggariskan peranan kaunselor dalam mengendalikan murid berkeperluan khas di sekolah. Seperti mana yang telah dicadangkan ASCA (2010), kaunselor sekolah hendaklah bekerjasama dengan kakitangan pendidikan khas mengenai pelajar berkeperluan khas, kaunselor sekolah harus memberikan sokongan kepada pelajar berkeperluan khas dan melakukan rundingan dengan kakitangan sokongan bagi memenuhi keperluan unik setiap pelajar. Bagi memastikan keperluan murid pendidikan khas dipenuhi sebaiknya, kerjasama daripada kaunselor dan kakitangan sekolah adalah penting agar hal ini dapat ditangani sebaiknya.

House dan Hayes (2002), serta Moore III, Henfield dan Owens (2008) turut bersetuju bahawa kaunselor sekolah perlu menjalankan hubungan kerjasama dengan kakitangan pendidikan bagi memastikan kurikulum dan program yang disediakan berkualiti kepada murid berkeperluan khas. Kaunselor dan guru yang terlibat perlu membangun perancangan intervensi khusus dan mengubah suai strategi perkhidmatan kaunseling sedia ada untuk keperluan individu murid pendidikan khas (Erford & Erford, 2007). Dengan ciri unik yang dimiliki oleh setiap murid berkeperluan khas, adalah wajar sekiranya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diberikan memenuhi kepelbagaiannya keperluan unik bagi mencapai keperluan sokongan yang mereka perlukan.

Kaunselor sekolah yang baik dapat membimbing dan memberikan motivasi kepada murid dan empati (Tait, 2013). Seperti mana yang diiktiraf oleh Friend and Cook (1994), kerjasama adalah apabila dua pihak yang berinteraksi secara langsung untuk mencapai tujuan melalui proses membuat keputusan atau persetujuan bersama. Menurut Dixon, DeVoss dan Davis (2010) kerjasama dalam kalangan kaunselor sekolah dengan ahli pendidikan boleh berlaku melalui interaksi dua hala yang memfokuskan keperluan pendidikan dan emosi murid berkeperluan khas. Maka, kaunselor haruslah sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada murid berkeperluan khas mencapai tahap maksima dalam membantu murid mencapai potensi maksima mereka dalam pembelajaran. Perkara ini hanya dapat dicapai dengan adanya keterlibatan semua pihak dalam pendidikan yang berfokuskan keperluan khusus murid berkeperluan khas dalam pendidikan mahupun sokongan sosial mereka.

Dalam kebanyakan kajian turut menekankan tentang keupayaan dan kebolehan kaunselor sekolah dalam

mengendalikan murid berkeperluan khas. Kajian Nichter dan Edmonson (2005) mendapati bahawa kebanyakannya murid pendidikan khas mendapat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling daripada kaunselor yang tidak mahir dalam mengendalikan murid pendidikan khas. Oleh yang demikian, kaunselor sekolah hendaklah memperkasa dan memperluaskan pengetahuan serta kemahiran dalam mengendalikan murid pendidikan khas seperti mana murid aliran perdana yang lain.

Milsom dan Hartley (2006) menyatakan bahawa kaunselor sekolah hendaklah memiliki pengetahuan tentang ketidakupayaan atau keperluan unik murid, di mana kaunselor perlu memahami masalah yang dimiliki dan bagaimana ia boleh mempengaruhi keupayaan murid dalam pembelajaran. Namun, menurut Deck et al. (1999) serta Nichter dan Edmonson (2005), kebanyakannya kaunselor sekolah merasakan belum cukup bersedia dan kemahiran mereka masih belum mencukupi dalam mengendalikan murid berkeperluan khas setelah tamat program latihan mereka. Kajian Martin (2002) juga menyokong bahawa kebanyakannya kaunselor sekolah masih belum bersedia dalam mengetuai keterlibatan dengan murid berkeperluan khas disebabkan latihan kaunseling sekolah yang lemah dan kekangan yang dihadapi daripada pentadbiran sekolah.

Beberapa pengkaji bersetuju bahawa persediaan formal bagi kaunselor sekolah dilihat mempunyai kekurangan di mana program pendidikan kaunselor yang sedia ada tidak memberikan pendedahan dan pengalaman yang mencukupi kepada para graduan kaunseling. Ini telah menyebabkan ramai kaunselor merasakan kemahiran mereka tidak mencukupi dalam mengendalikan murid pendidikan khas. Hal ini menimbulkan rasa kurang selesa dan mencetuskan kebuntuan kepada kaunselor sekolah dalam mengendalikan murid berkeperluan khas. Maka, adalah penting bagi kaunselor sekolah lebih bersedia dalam menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid pendidikan khas dengan menghadiri kursus dan bengkel dalam memperkasakan kemahiran dan pengalaman bersama murid pendidikan khas (Milson, 2002; Tait, 2013).

Kebanyakan kajian tidak menyatakan secara jelas dan terperinci tentang protokol atau garis panduan rasmi yang boleh diikuti dan dijadikan sebagai manual dalam membantu para kaunselor sekolah mengendalikan murid berkeperluan khas. Walau bagaimana pun, ASCA telah menggariskan model nasional seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini. Moore III, Henfield dan Owens (2008), berdasarkan tema yang muncul dalam kajian mereka, telah menyarankan kerangka kerja Inisiatif Transformasi Kaunseling Sekolah (Transforming School Counseling Initiative) oleh House dan Sears (2002) dan Martin (2002) bagi membantu kaunselor sekolah yang menekankan elemen sokongan, kepimpinan, bersatu dan

bekerjasama, kaunseling, perundingan dan penggunaan data mengenai murid berkeperluan khas. Matlamat Inisiatif Transformasi Kaunseling Sekolah (Transforming School Counseling Initiative) adalah untuk menggalakkan pembentukan model program baru sebagai latihan perkhidmatan kepada kaunselor sekolah. Ini adalah sebagai persediaan bagi graduan kaunseling sekolah untuk berkhidmat sebagai penasihat pelajar dan penasihat akademik yang menzahirkan kepercayaan terhadap semua murid bahawa mereka boleh mencapai tahap yang tinggi dalam akademik mereka (Martin, 2002).

Melalui kajian-kajian yang telah dilakukan, dapat dilihat bahawa bagi menjayakan program dan menyediakan perkhidmatan sokongan terbaik kepada murid berkeperluan khas memerlukan usaha sama dan sumbang saran daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam pendidikan khas. Sesungguhnya kaunselor sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan murid berkeperluan khas mendapat bantuan sokongan yang sewajar dalam akademik mahupun hubungan sosial dengan persekitaran mereka agar dapat mencapai potensi penuh. Dengan adanya garis panduan dan model nasional sememangnya sangat membantu para kaunselor sekolah dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan berkualiti dan memenuhi semua keperluan murid berkeperluan khas sekaligus memberikan keyakinan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan.

## KAJIAN-KAJIAN DALAM NEGARA

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan tentang keperluan menghasilkan generasi murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan sosial. Aspek kemenjadian murid di sekolah berteraskan falsafah ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira aspek kepelbagaian dan keunikan setiap individu. Selaras dengan pandangan Gardner (2011) yang menegaskan bahawa inisiatif sistem pendidikan yang mampan harus berpaksikan fokus untuk menggilap kepelbagaian bakat dan potensi diri murid mengikut keunikan setiap individu. Kepelbagaian murid dianggap sebagai satu himpunan populasi murid yang terdiri daripada kelompok-kelompok yang dibezakan oleh tahap kebolehan pembelajaran, merangkumi golongan yang memiliki satu atau lebih masalah pembelajaran (learning disabilities), golongan biasa (normal/average), termasuklah kelompok murid pintar dan berbakat (Abu Yazid & Noriah, 2019; Tarver-Behring & Spagna, 2004; Asselin & Mooney, 1996).

Akta Pendidikan 550 (1996) mengklasifikasi populasi murid pendidikan khas sebagai golongan murid yang memiliki sama ada kecacatan fizikal teruk, rencutan teruk dan sederhana, atau pelbagai ketidakupayaan yang

tidak membenarkan mereka untuk belajar di sekolah-sekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selari dengan misi KPM iaitu bagi menyediakan Pendidikan yang berkualiti kepada murid berkeperluan khas untuk menjadikan mereka insan yang berdikari, berjaya dan memberikan sumbangan bakti kepada masyarakat dan negara, KPM telah mewujudkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah kerajaan yang terpilih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid berkeperluan khas.

Aspek kepelbagaiannya murid berkeperluan khas perlu diberikan perhatian khusus dalam merangka strategi serta alternatif pengajaran dan pembelajaran berkesan. Keunikan ciri-ciri kendiri yang dimiliki oleh murid berkeperluan khas ini menyebabkan mereka memerlukan sistem sokongan untuk pembelajaran khusus berbanding rakan sebaya mereka yang normal. Dalam konteks persekitaran sekolah, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan satu bentuk perkhidmatan sokongan psiko-pendidikan yang berupaya membantu murid-murid yang menghadapi masalah dalam pelbagai dimensi (Kahveci, 2016; Ayodele et al., 2013).

Seperti mana murid lain, murid pendidikan khas tidak terkecuali daripada mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa keterlibatan murid-murid pendidikan khas ini lazimnya bersifat secara tidak langsung di mana program atau aktiviti yang dilakukan adalah umum dan sama dengan murid aliran perdana di mana tidak ada perancangan program khusus yang menjerumus kepada keperluan Murid pendidikan khas di lakukan oleh kaunselor sekolah (Norafifah & Mohamad Hashim, 2017). Hasil kajian ini turut disokong oleh Hanani (2014) di mana kurangnya perlaksanaan perkhidmatan oleh kaunselor sekolah terhadap murid berkeperluan khas. Selain itu, kajian daripada Hanani, Hasnah dan Salleh (2012), menunjukkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid berkeperluan khas juga tidak diperluaskan oleh kaunselor di sekolah.

Menurut Norafifah dan Mohamad Hashim (2017), unit bimbingan dan kaunseling sekolah mempunyai panduan khusus daripada KPM (2012) yang menekankan aspek kebijakan, kemudahan, kemahiran insaniah dan hala tuju kerjaya murid. Namun, garis panduan yang telah disediakan sebagai panduan perkhidmatan kepada murid berkeperluan khas tidak terperinci sebagaimana panduan perkhidmatan kepada pelajar aliran perdana. Hal ini memberi cabaran besar kepada kaunselor sekolah dalam memberikan perkhidmatan yang memenuhi keperluan murid berkeperluan khas secara optimum.

Selain itu, kurangnya penelitian mengenai perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia antara punca mengapa kaunselor sekolah hanya menjalankan

program yang mengikut kesesuaian majoriti murid di sekolah tanpa mengambil berat akan keperluan khusus murid pendidikan khas. Selain itu, juga terdapat kekurangan maklumat berkenaan perancangan transisi dan bentuk sokongan kepada kaunselor di sekolah bagi mengendalikan murid pendidikan khas (Melissa, 2013, Norafifah & Mohamad Hashim, 2017).

Tidak dinafikan bahawa cabaran dan tanggungjawab kaunselor sekolah yang mengamalkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) kian mencabar. Pastinya keperluan murid pendidikan khas mempunyai keperluan khusus berbanding murid aliran perdana. Hasil kajian Norafifah dan Mohamad Hashim (2017), turut mendapati bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh kaunselor sekolah adalah pengaplikasian pendekatan bimbingan dan kaunseling terhadap murid pendidikan khas di mana terdapat perbezaan isu yang dihadapi oleh murid pendidikan khas berbanding murid aliran perdana. Oleh itu, pendekatan yang digunakan bagi menangani isu dan perbezaan unik oleh murid pendidikan khas juga perlu berbeza dengan mengambil kira ciri-ciri khusus yang dimiliki mereka.

Beberapa kajian menyokong sekiranya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah membekalkan perkhidmatan khusus memandangkan terdapatnya perbezaan keperluan jika dibandingkan murid pendidikan khas dengan murid aliran perdana. Selain itu, kajian-kajian ini turut menyokong bahawa jika terdapat garis panduan khusus yang terperinci oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kaunselor sekolah dapat melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang lebih holistik dan tertumpu kepada keperluan murid pendidikan khas. Oleh itu, perlu adanya gandingan bersama antara pendidikan khas dan unit bimbingan dan kaunseling dalam mencari inisiatif terbaik agar perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid pendidikan khas dapat dilakukan sebaiknya.

Berdasarkan kajian perpustakaan didapati bahawa kebanyakan kajian yang dilakukan bagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid pendidikan khas di Malaysia adalah terhad dan bertujuan memberikan gambaran awal sahaja. Kebanyakan kajian yang mengukur tahap kebolehan dan kesediaan kaunselor sekolah di sekolah mendapati bahawa kadar kebolehan kaunselor sekolah dalam mengendalikan program atau aktiviti yang melibatkan murid pendidikan khas adalah rendah. Faktor utama yang banyak diketengahkan oleh kaunselor sekolah adalah merasa kurang yakin dan tidak tahu bagaimana untuk memberikan perkhidmatan khusus apabila melibatkan murid pendidikan khas di sekolah. Selain itu, isu komunikasi dengan murid pendidikan khas juga turut diketengahkan dalam kajian Norafifah dan Mohamad Hashim (2017), di mana kaunselor sekolah yang tidak terdedah atau kurang terdedah dengan golongan Orang

Kelainan Upaya (OKU) menyebabkan terdapatnya halangan dalam mengaplikasikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid pendidikan khas secara maksima. Hal ini menyebabkan murid pendidikan khas tidak mendapat kebaikan daripada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diberikan secara menyeluruh. Disebabkan kurangnya pendedahan dan tiada garis yang panduan khusus, murid pendidikan khas di sekolah diberikan layanan, program dan aktiviti yang sama seperti mana murid aliran perdana yang lain tanpa memberi penekanan kepada keperluan khusus dan ciri-ciri unik yang mereka miliki.

Kajian Azharizah dan Salleh (2011) mendapati bahawa pengetahuan mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid pendidikan khas adalah sangat sedikit dan terhad. Hal ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Lee (2015), yang mendapati bahawa kaunselor sekolah kurang memiliki pengetahuan mengenai pendidikan khas dan polisi serta terbeban dengan kes yang banyak.

Kebanyakan kajian mendapati bahawa sebilangan besar kaunselor sekolah tidak mendapat latihan yang sewajarnya untuk memahami dan meneroka keunikan isu dan masalah serta keperluan-keperluan khusus para murid pendidikan khas. Lazimnya guru-guru PPKI yang ditugaskan untuk membantu murid-murid ini juga tidak diberikan latihan dan kemahiran serta teknik-teknik kaunseling yang sistematik. Kesannya, ramai guru kaunselor sekolah dan guru-guru PPKI merasakan kurang yakin dalam mengendalikan isu berkaitan murid berkeperluan khas ini. Kurangnya pendedahan menyebabkan kaunselor turut mengalami perasaan takut dan bimbang apabila berhadapan dengan OKU (Zahra, 2014).

Walau bagaimanapun, kajian Norafifah dan Mohamad Hashim (2017) berpendapat tidak terdapat perbezaan dalam mengaplikasikan pendekatan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid berkeperluan khas dan murid aliran perdana seperti mana yang disangkakan oleh kaunselor sekolah selama ini sehingga membantutkan proses membantu golongan ini sedangkan kaunselor sekolah hanya perlu mengintegrasikan pendekatan kaunseling tradisional kepada klien pelbagai budaya (Corey, 2013). Namun begitu, faktor budaya memainkan peranan kerana terdapat perbezaan budaya antara Malaysia dan negara Barat. Tambahan lagi, menurut Norafifah dan Mohamad Hashim (2017), antara kekangan memberikan perkhidmatan kaunseling secara menyeluruh kepada murid berkeperluan khas adalah isu kerjasama antara kaunselor sekolah dan kakitangan lain di sekolah. Oleh itu, bagi menjayakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap murid berkeperluan khas, perlu adanya kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam pendidikan

murid berkeperluan khas.

Selain itu, kajian Azharizah dan Salleh (2011) turut mendapati bahawa persepsi negatif kaunselor sekolah terhadap murid berkeperluan khas pada peringkat awal juga antara sebab menjadi penghalang kepada perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid berkeperluan khas. Dapatkan ini selari dengan hasil kajian Hasnah et al. (2010), di mana pemikiran dan sikap negatif mempengaruhi tindakan kaunselor sekolah untuk mengambil bahagian secara menyeluruh dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Seperti mana yang dinyatakan oleh Zurida dan Hashimah (2004) bahawa sikap merupakan salah satu elemen penting yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang. Sebagai seorang kaunselor sekolah, adalah penting untuk menanamkan sikap menerima tanpa syarat, bersikap positif dan empati agar dapat mewujudkan rasa selesa antara kaunselor sekolah dan murid berkeperluan khas sekaligus menjayakan proses bimbingan dan kaunseling.

Tuntasnya, program pendidikan perlu mewujudkan satu sistem sokongan psikologi yang harus mengambil kira ciri-ciri serta keperluan unik populasi murid (Dianova et al., 2022; Abu Yazid, 2014). Ini kerana, mengenalpasti dan membantu golongan murid berkeperluan khas untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan merupakan salah satu objektif penyediaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah (Suradi, 1996; Abu Yazid, 2014). Oleh itu, pentingnya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah mengambil berat akan tahap keberkesanan perkhidmatan yang diberikan kepada murid pendidikan khas dengan meneliti keperluan khusus bagi membantu perkembangan kendiri murid pendidikan khas secara holistik.

## PERBINCANGAN

Seperti mana murid aliran perdana yang lain, murid berkeperluan khas turut berdepan dengan krisis identiti, gejala sosial, perkembangan fizikal dan sahsiah serta mengalami perkembangan sistem nilai dalam masyarakat yang kompleks dimana tidak dapat diselesaikan sendiri oleh murid berkeperluan khas. Oleh itu, murid berkeperluan khas sangat memerlukan bantuan sokongan daripada kaunselor sekolah bagi menangani masalah ini serta memenuhi keperluan khusus mereka dalam mengoptimumkan pengalaman pembelajaran mereka (Reese, 2021; Usang, 2021). Hasil daripada kajian-kajian yang telah dilakukan sama ada di luar mahupun dalam negara, murid berkeperluan khas tidak dipinggirkan daripada menerima bantuan sokongan daripada kaunselor di sekolah. Namun terdapat beberapa kelompongan dalam perkhidmatan yang diberikan, di mana ciri-ciri unik murid

berkeperluan khas tidak diambil kira secara terperinci dalam melaksanakan khidmat sokongan atau program (Bakar & Ahmad, 2020). Oleh itu, menjadi persoalan bahawa adakah garis panduan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sedia ada di sekolah yang menjadi rujukan utama kaunselor sekolah dapat mencapai objektif secara menyeluruh dalam membantu pembelajaran dan pembangunan psikososial murid pendidikan khas di sekolah?

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tempatan dan dalam negara yang telah dilakukan adalah untuk memberi gambaran awal berkenaan perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid pendidikan khas. Kebanyakan kajian yang mengukur tahap kebolehan dan kesediaan kaunselor di sekolah mendapati bahawa kadar kebolehan kaunselor sekolah dalam mengendalikan program dan aktiviti yang melibatkan murid pendidikan khas adalah rendah. Faktor utama adalah merasa kurang yakin dan tidak tahu bagaimana untuk memberikan perkhidmatan khusus apabila melibatkan murid pendidikan khas di sekolah yang disebabkan kurangnya pendedahan dan tiada garis yang panduan khusus. Kurangnya pendedahan terhadap golongan ini menyebabkan para kaunselor sekolah meragui kemahiran mereka dalam mengelola murid berkeperluan khas. Program pendidikan kaunselor sekolah yang kurang memberikan pendedahan kepada golongan berkeperluan khas juga menjadi penyumbang kepada kesukaran yang dirasai oleh para kaunselor sekolah dalam mengendalikan kes melibatkan murid berkeperluan khas. Hal ini pastinya mempengaruhi tahap keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diberikan.

Selain itu, bagi menjayakan program dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terbaik maka, perlu adanya jaringan kerjasama antara kaunselor sekolah dan kakitangan yang terlibat dalam kurikulum murid berkeperluan khas agar bantuan sokongan yang diberikan dapat mencapai potensi penuh murid berkeperluan khas dalam pembelajaran mahupun psikososial mereka.

Limitasi kajian ini adalah kekurangan sumber rujukan di Malaysia berkenaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang melibatkan murid pendidikan khas secara terperinci. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan sekadar memberi gambaran terhadap situasi yang dialami kaunselor sekolah dalam menangani isu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid berkeperluan khas. Disebabkan kekangan sumber, pengkaji masih belum lagi menjumpai sebarang model tempatan mahupun kerangka kerja secara terperinci yang melibatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi murid berkeperluan khas di Malaysia sepetimana yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji di luar negara.

## KESIMPULAN

Oleh itu, selari dengan misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada murid keperluan khas untuk menjadikan mereka insan yang berdikari, berjaya dan memberikan sumbangan bakti kepada masyarakat dan negara, adalah wajar sekiranya penambahbaikan dilakukan ke atas garis panduan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sedia ada di sekolah-sekolah yang melibatkan murid pendidikan khas. Di samping itu, kajian mendalam harus dilakukan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang wajar disediakan untuk murid berkeperluan khas sekaligus, membina satu amalan kerja atau model kebangsaan yang dapat dijadikan sebagai panduan rasmi kepada para kaunselor sekolah dalam mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid berkeperluan khas. Sesungguhnya kaunselor sekolah adalah sumber yang tidak ternilai disebabkan pengetahuan mereka dapat membantu dalam proses mendidik murid-murid ini secara holistik, dan seterusnya menjadi penghubung antara murid pendidikan khas dan masyarakat (Hott, Thomas, Abbassi, Hendricks & Aslina, 2014). Analisis tinjauan literatur ini merupakan usaha awal bagi mendapatkan informasi berkaitan untuk dirujuk oleh para sarjana bimbingan dan kaunseling serta pendidikan khas tempatan untuk merangka gerak kerja menghasilkan bentuk perkhidmatan berkaitan yang berkesan dalam persekitaran sekolah di bawah urus tadbir dan kawal selia KPM.

## RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak. 2019. *Kaunseling dalam Pendidikan Pintar dan Berbakat di Malaysia*, Edisi ke-2. Bangi: Penerbit UKM.
- Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak. 2016. *Pendidikan Pintar dan Berbakat di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abu Yazid Abu Bakar. 2014. Perkhidmatan Kaunseling Pelajar Pintar dan Berbakat. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ASCA. 2016. *The School Counselor and Students with Disabilities* Alexandria, VA: Author.
- Azharizah Saimi & Salleh Amat. 2011. “Kesediaan dan keperluan latihan kepada kaunselor sekolah dalam program pendidikan khas.” *Journal of Special Education* 1 no. 1: 129-141.
- Bakar, A. Y. A., & Ahmad, S. N. 2020. Counseling and guidance services for special education pupils: An analysis of research literatures. *Proceedings of the International Conference on Special Education in South East Asia Region 10<sup>th</sup> Series*. Jakarta: Redwhite Press.

- Corey, G. 2013. *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy* (9th ed.). Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Deck, M., Scarborough, J. L., Sferrazza, M. S., & Estill, D. M. 1999. Serving students with disabilities: Perspectives of three school counselors. *Intervention in School and Clinic* 34(3), 150-155.
- Dianova, A., Siregar, D., Mawaddah, I., & Suryaningsih. 2022. Guidance and counselling in education. *World Psychology*, 1(2), 27-35.
- Dixon, A.L., DeVoss, J.A., Davis, E., 2008. Strengthening links between the levels: school counselor collaboration for successful student transitions. *Journal of School Counseling* 6(21).
- Erford, B. T., & Erford, B. T. 2007. Transforming the school counseling profession. Columbus, GA: Pearson Merrill/Prentice Hall.
- Fareo, D. O. 2015. Counselling Intervention and Support Programmes for Families of Children with Special Educational Needs. *Journal of Education and Practice* 6(10), 103-109.
- Friend, M., & Cook, L., 1996. *Interactions: Collaboration skills for school professionals*. (2nd ed.). White Plains, NY: Longman Publishers.
- Frostad, P., & Pijl, S. J. 2007. Does being friendly help in making friends? The relation between the social position and social skills of pupils with special needs in mainstream education. *European Journal of Special Needs Education* 22(1), 15-30.
- Gardner, H. 2011. Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences. New York, NY: Basic Books Inc.
- Garrison-Harrell, L. & Kamps, D. 1997. The effects of peer networks on social-communicative behaviors for students with autism. *Focus on Autism and Other Developmental Disabilities* 12(4), 241-254.
- Greenspan, S. & Granfield, J. R. 1992. Reconsidering the construct of mental retardation: implication of a model of social competence. *American Journal of Mental Retardation* 96, 442-453.
- Hanani Harun Rasit, Hasnah Toran, & Salleh Amat. 2012. Implementation of guidance and counselling service to students with special needs in Selangor. *Journal of Special Needs Education* 2: 76-87.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhammad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Nur Hazwani Hamzah. 2010. Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *Asian Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2). 22-34.
- House, R. M., & Sears, S. J. 2002. Preparing school counselors to be leaders and advocates: A critical need in the new millennium. *Theory into Practice* 3, 154-162.
- Ivankova, N. V., Creswell, J. W., & Stick, S. L. 2006. Using Mixed-Methods Sequential Explanatory Design: From Theory to Practice. *Field Methods*, 18(1) 3-20.
- Martin, P. J. 2002. Transforming school counseling: A national perspective. *Theory into Practice* 41,148-153.
- Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Mey, S. C., Eng, T. K., Rosly Othman, & Ahmad Fairuz Omar. 2013. School-to-work transition services for students with disabilities in Malaysia: organisations' views on policy and practices. *Journal of Research in Special Educational Needs* 13(4), 259-271.
- Milsom, A., & M.T., Hartley, 2006. Assisting students with learning disabilities transitioning to college: what school counselors should know. *Professional School Counseling* 8 (5), 436-441.
- Milson, A. S. 2002. Student with disabilities: School counselor involvement and preparation. *Professional School Counseling* 5, 331-338.
- Monchy, M. de, Pijl, S. J. & Zandberg, T. 2004. Discrepancies in judging social inclusion and bullying of pupils with behaviour problems. *European Journal of Special Needs Education* 19(3), 317-330.
- Moore III, J. L., Henfield, M. S., & Owens, D. 2008. African American males in special education: Their attitudes and perceptions toward high school counselors and school counseling services. *American Behavioral Scientist* 51(7), 907-927.
- Muhs Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. 2010. *Proses Kaunseling*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nichter, M., & Edmonson, S. L. 2005. Counseling services for special education students. *Journal of Professional Counseling: Practice, Theory & Research* 33(2), 50-62.
- Norafifah Bali & Mohamad Hashim Othman. 2017. Keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya Guru Bimbangan dan Kauseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Journal home page* 2(1).
- Pfiffner, L. J. & McBurnett, K. 1997. Social skills training with parent generalization: treatment effects for children with attention deficit disorder. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 65(5), 749-757.
- Rasit, Hanani Harun, Hasnah Toran, and Salleh Amat. 2012. Implementation of guidance and counselling service to students with special needs in Selangor. *Journal of Special Needs Education* 2: 76-87.
- Reese, D. M. 2021. School counselor preparation to support inclusivity, equity and access for students of color with disabilities. *Front. Educ.*, 6: 588528.
- Saimi, A., & Amat, S. 2011. Kesediaan dan keperluan latihan kepada kaunselor sekolah dalam program pendidikan khas. *Journal of Special Education*, 1(1), 129-141.
- Scheepstra, A. J. M., Nakken, H. & Pijl, S. J. 1999. Contacts with classmates: the social position of pupils with Down's syndrome in Dutch mainstream education, *European Journal of Special Needs Education* 14(3), 212-220.

- Soresi, S. & Nota, L. 2000. A social skill training for persons with Down's syndrome. *European Psychologist* 5(1), 34–43.
- Tait, M. 2013. Perceptions of School Counselors Regarding Their Roles in Transition Services for Students with Learning Disabilities Towards Postsecondary Education (Doctoral dissertation, Texas Woman s University).
- The Education Trust. 1997. The national guidance and counseling reform program. Washington, DC: Author.
- Usang, F. 2021. Roles of counselors in counselling students with special education needs in Cross River State. 27 May. Available at <https://ssrn.com/abstract=3854393> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3854393>
- Wamoch, F. I., Karagu, G. K., & Nwoye, A. 2015. A framework of guidance and counselling programme for students with special educational needs in Kenya.
- Zahra, A. J. C. 2014. Enabling Counsellors: An Exploration of the Social Construction of Disability among Maltese Counsellors. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). University of Leeds. England.

Lt Kdr Prof. Madya Dr. Abu Yazid Abu Bakar TLDM (Bersara)  
Pusat Kajian Kepelbagai Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
yazid3338@ukm.edu.my

Siti Nurliyana Ahmad  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author: yazid3338@ukm.edu.my